



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENCAHAYAAN TAMAN
UPCYCLE

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
17 SEPTEMBER 2019 (SELASA)
8.30 MALAM

UPCYCLE PARK
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Puan Setiausaha Bandaraya

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penduduk Kawasan Bandar Perda

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam ini dalam Majlis Perasmian Pencahayaan *Upcycle Park* MBSP bersebelahan Menara MBSP.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah sudi hadir dan seterusnya akan merasmikan program kita pada malam ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat- Yang Berhormat EXCO, ADUN serta Ahli Parlimen; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program Majlis pada malam yang indah ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terutamanya wira-wira oren yang telah bertungkus lumus menyiapkan kerja-kerja pencahayaan dan pengindahan Jajaran Hijau Bandar Perda.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Semalam pada 16 September 2019 kita telah menyaksikan Majlis Perbandaran Seberang Perai dinaiktarafkan secara rasminya menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya terutamanya dalam *institutional reform* dan sistem penyampaian supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. *Institutional reform* atau pembaharuan institusi system penyampaian yang cekap dan berkesan akan membuahkan hasil positif yang memberi manfaat kepada rakyat dan menjadi asas yang betul untuk Seberang Perai. Pembaharuan institusi akan membantu meningkatkan kualiti pertumbuhan Seberang Perai dan menjadikannya inklusif. Pembaharuan institusi dan sistem penyampaian yang pantas berada di bawah *Strategic Initiatives C4* iaitu *Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform* dalam Penang2030.

MBSP akan terus komited untuk melaksanakan projek-projek untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat dengan menyediakan ruang-ruang awam untuk aktiviti-aktiviti rekreasi dan riadah. Ini bertepatan dengan Tema Penang2030 iaitu *Invest In The Built Environment To Improve Resilience*.

Dengan mewujudkan ruang-ruang terbuka yang menarik dan berfungsi untuk perhimpunan komuniti dan penggunaan riadah yang sihat, projek itu akan memaksimumkan potensi ruang yang tidak efisien dan meningkatkan kebolehbagaian di Seberang Perai. Penyediaan kawasan lapang seumpama ini dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan Seberang Perai ke arah *liveable city* di Pulau Pinang yang lebih ceria dan *vibrant*.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Memandangkan ketiadaan kawasan rekreasi dan riadah serta atas dasar keprihatinan terhadap kehendak masyarakat setempat, MBSP telah merancang dan menyediakan satu jaringan kawasan rekreasi atau riadah berserta kemudahan awam di Bandar Perda ini. Ini bertepatan dengan visi

MBSB untuk menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Pintar di Pacu oleh Teknologi. Kawasan yang terpilih ialah kawasan-kawasan terbiar di belakang Menara MBSB, di sekeliling kolam tadahan dan di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh yang akan berfungsi sebagai '*Green Lung*' disamping menyediakan ruang aktiviti rekreasi dan riadah untuk masyarakat setempat. Jaringan taman rekreasi dan riadah ini digelar Jajaran Hijau Perda yang terdiri dari:-

1. **Taman Tasik Tecoma** yang terletak di sebelah *Upcycle Park* dengan kolam tadahan yang besar dan dikelilingi 700 pokok Tecoma (*Tabebuia* spp.) yang ditanam sempena Hari Kemerdekaan ke-60 pada 27 Ogos 2017 dalam Program Penanaman serentak 3,000 Pokok *Tabebuia* spp. (Tecoma) di seluruh Seberang Perai. Taman ini dalam perancangan untuk dijadikan lokasi "*photo session*" perkahwinan, laluan berbasikal dan beriadah. Buat masa ini kita dapat lihat ramai kaki pancing yang mengunjungi tempat ini dari hari ke hari. Malah pada bulan Disember 2018, satu pertandingan memancing telah dianjurkan oleh PESUKA yang menyaksikan penyertaan yang ramai daripada penduduk persekitaran dan dari luar kawasan.

2. **Upcycle Park** merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barangan dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi. Komponen-komponen disediakan di sini adalah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai.

Taman ini yang telah dirasmikan pada 10 Mac 2018 lalu oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai “*The First Organisation To Develop Upcycle Park*”. *Upcycle Park* bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*. Taman tersebut yang memberi manfaat kepada lebih 20,500 penduduk di kawasan sekitar serta kawasan perniagaan, pejabat-pejabat dan hospital.

Projek ini dibuat pada kos yang paling minimum iaitu hanya kos mengecat di atas laluan trek *jogging*. Kelihatan perabot-perabot taman yang diperbuat daripada bahan kitar semula antaranya arca dan bangku taman daripada batang pokok kayu yang ditebang, kayu *palette* dan tayar terpakai, manakala plaza berlantai “*Interlocking Brick*” diperbuat daripada sisa binaan yang diproses semula. Ianya disumbangkan oleh pengusaha sebagai *Corporate Social Responsibility* (CSR). *Orange warriors* MBSP adalah kakitangan yang terbabit secara langsung dalam pembuatan barangan *upcycle* yang dipamerkan di taman ini.

3. **Taman Komuniti** pula terletak di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh. Di taman inilah terletaknya laluan “*Cycle to Work*” sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter yang siap sepenuhnya pada 13 April 2018. Laluan ini mewujudkan *connectivity* di antara kawasan perumahan, institusi-institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tempat riadah dengan perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan sekitar kawasan Bandar Perda secara *dedicated lane* dan *road sharing*. Pembinaan laluan *Cycle to Work* ini juga dapat menghubungkan tempat kediaman dengan *Central Business District* (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada pejabat-

pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah. Penyediaan laluan “*Cycle to Work*” adalah salah satu usaha untuk menjadikan berbasikal ke tempat kerja satu amalan untuk mengurangkan pelepasan karbon supaya Seberang Perai menjadi bandar rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*. Dalam taman ini jugalah Program “1 Bayi 1 Pokok” dilancarkan pada 7 Oktober 2018.

Antara kemudahan yang disediakan di Jajaran Hijau Bandar Perda adalah Laluan Pejalan Kaki, Laluan Berbasikal, Gerbang-gerbang, Dataran Serbaguna dan Kerusi Meja Taman. Manakala aktiviti yang aktif dijalankan di sini adalah berjogging, berbasikal, dan pelbagai aktiviti riadah termasuk berkelah. Terdapat juga sebilangan belia yang berlatih seni mempertahankan diri di kawasan sekitar Jajaran Hijau. Selain itu juga, sebilangan daripada penduduk setempat datang untuk sesi fotografi dan *selfie* di kawasan ini.

MBSP telah merangka beberapa pelan pembangunan di Jajaran Hijau Bandar Perda iaitu:-

1. Dataran Perkahwinan

Ini melibatkan Kerja-kerja Landskap Kejur (Dataran Serbaguna) di Jajaran Hijau (Upcycle Park) Bandar Perda dengan kos sebanyak RM 49,560.00. Program ini dimulakan pada 17 April 2019 dan disiapkan pada 21 Mei 2019. Antara kemudahan yang disediakan di dataran ini adalah Pintu-Pintu Gerbang (*Love*), penanaman pokok *shrub* dan kerja-kerja mengecat tembok

2. *Eco park* – UCLG-ASPAC

Projek ini melibatkan naiktaraf Taman Komuniti, Bandar Perda (di sebahagian lot parit monsun berhampiran SIRIM). Ianya merupakan Program 7Ps yang melibatkan kerjasama strategik di antara MBSP dengan pihak United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG-ASPAC) dan United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat). Projek pembangunan ruangan awam bagi Jajaran Hijau (Taman Komuniti Bandar Perda-Upcycle Park-Taman Tecoma) ini dijangka siap lapan (8) minggu dari tarikh lantikan (31 Julai 2019) iaitu dalam minggu pertama bulan Oktober 2019. Kos projek pengindahan landskap ini berjumlah RM265,000.00 dan dibiayai oleh UCLG.

MPSP menyediakan taman-taman awam ini berserta kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda

tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan-kemudahan awam dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Selain itu, ianya boleh menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED). MBSP telah bercadang untuk membuka satu tapak “*food truck*” berhampiran taman. Tapak ini telah mula beroperasi pada 30 Ogos 2019 dengan masa operasi dari 7.00 hingga 12.00 tengah malam. Sebanyak 15 buah *food truck* beroperasi setiap malam.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman-taman ini dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada malam ini kita akan menyaksikan perasmian projek pencahayaan Upcycle Park. Projek ini telah dimulakan pada 16 Mei 2019 dan disiapkan pada 6 Ogos 2019. Kos projek berjumlah RM189,917.40 melibatkan:-

1. Pemasangan lampu jenis "*Twinkle warm white Flasher light LED*" yang dipasang pada 21 batang pokok di jalan besar dan 15 batang pokok yang terdapat dalam kawasan Upcycle Park.
2. Lampu jenis gantung jenis "*Icicle twinkle Flasher light LED*" yang dipasang berhadapan pintu gerbang Upcycle Park.
3. Lampu jenis *LED flex neon light* yang di pasang pada keliling rangka bagi pintu gerbang Upcycle Park dan hiasan bunga yang digantung di pokok.

Dengan adanya pencahayaan di taman ini, maka kawasan yang pada satu masa gelap dan sunyi akan menjadi ceria dan meriah dengan pelbagai aktiviti riadah masyarakat setempat.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam dan taman taman riadah seperti *Upcycle Park*, Taman Komuniti dan Taman Tecoma ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *Jajaran Hijau Bandar Perda* dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MPSP. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP dalam pembangunan usaha seperti ini.

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “ ***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow***”. ***Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua.***

Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha MBSP.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.